

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan menjelaskan pendekatan yang telah diambil untuk memastikan perolehan aset-aset pertahanan dibuat dengan telus dan terancang. Apakah penjimatan daripada pemborosan Kerajaan dahulu yang telah berjaya dilakukan oleh Kerajaan ini.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan mengambil langkah melaksanakan perolehan aset-aset pertahanan secara tender terbuka selaras dengan tatacara perolehan yang sedang berkuatkuasa. Langkah ini sejajar dengan arahan Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018, berkenaan Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pelaksanaan Perolehan Kerajaan. Kementerian ini juga bekerjasama dengan pihak Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk meningkatkan tahap ketelusan dan intergriti dalam proses perolehan di Kementerian ini.